

TARIKH	15 / 4 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	25	RUANGAN	Dlm Negeri

## TH sewa 11 bangunan

MEKAH 14 April - Lembaga Tabung Haji (TH) menyewa 11 bangunan di sekitar Kota Mekah untuk menampung keperluan penginapan kira-kira 28,000 jemaah haji Malaysia pada musim haji Sept/Okt nanti, dengan semua penempatan terletak dalam jarak tidak lebih daripada 1km dari Masjidil Haram.

Pengerusinya Tan Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor (**gambar**) berkata, usaha mendapatkan lokasi semua bangunan dalam lingkungan jarak itu sememangnya amat mencahar, namun usaha gigih petugas TH dengan kerjasama baik pihak Arab Saudi membolehkan ia menjadi kenyataan.

Katanya, TH perlu mencari beberapa bangunan baharu pada musim haji ini kerana ada bangunan-bangunan yang pernah disewa pada musim haji lepas telah dirobohkan pihak berkuasa Arab Saudi untuk memberi laluan kepada kerja-kerja pembangunan projek perluasan ruang Masjidil Haram dan Kota Makkah.

Dalam satu persidangan media di sini beliau berkata, TH sememangnya berhasrat untuk mencari bangunan-bangunan besar yang boleh memuatkan lebih ramai jemaah haji di satu tempat bagi memudahkan aspek pengurusan jemaah dan juga petugas, namun ia bergantung kepada penawaran.

Abi Musa berada di sini untuk lawatan kerja bagi meninjau perkembangan operasi TH buat musim ini, dan Rabu lepas beliau mengadakan perjumpaan dengan Kementerian Haji Arab Saudi untuk membincangkan persediaannya.

Beliau berkata, pelaksanaan projek perluasan ruang sekitar Masjidil Haram dan kawasan sekelilingnya yang pesat ketika ini mungkin akan

memberi kesan terhadap keselesaan jemaah haji dari seluruh dunia termasuk dari Malaysia, dan semua jemaah diminta faham dengan keadaan itu.

Menurutnya, Arab Saudi turut mengarahkan supaya semua kerja-kerja pembinaan itu dihentikan selama empat bulan mulai Ramadan nanti, untuk memberi laluan kepada urusan ibadat haji demi keselesaan jemaah dan semua pihak harus faham bahawa apa yang dilakukan kerajaan Arab Saudi adalah untuk keselesaan jemaah haji pada masa akan datang.

Abi Musa berkata, Malaysia sama seperti negara-negara Islam yang lain setiap tahun, memohon supaya kuota haji dinaikkan, namun kerajaan Arab Saudi perlu bertegas mengenai perkara itu, kerana mengambil kira banyak aspek, termasuk soal keselesaan dan

keselamatan jemaah haji, di samping kemampuan pengurusan dalam mengurus jumlah jemaah yang ramai.

Beliau juga menasihatkan para jemaah yang ingin mengerjakan haji supaya berurusan dengan agensi-agensinya yang diberi lesen oleh TH bagi mengelak daripada ditipu agensi-agensinya pelancongan yang tidak bertanggungjawab.

Menurutnya, perkara ini dibangkitkan beliau kerana setiap tahun ada sahaja kes-kes memabitkan jemaah yang tertipu, sedangkan menurutnya senarai agensi yang berlesen untuk urusan pakej haji boleh didapati dari laman web TH, di samping sudah diiklankan di akhbar-akhbar.

Tahun ini TH memberi lesen kepada 20 agensi untuk menguruskan pakej-pakej haji, dan TH sentiasa memantau prestasi mereka. - BERNAMA

